

D357

U B578 DEB
MAHATHIR - MARA

KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, HARI INI BERKATA USAHAWAN BUMIPUTERA TIDAK HARUS KECEWA DENGAN KEWUJUDAN SYARIKAT-SYARIKAT MILIK MARA YANG PADA MASA INI KELIHATAN SEPERTI MENIMBULKAN PERSAINGAN.

+KITA HARUS TERUS BERUSAHA UNTUK BERJAYA (DALAM BIDANG-BIDANG YANG BARU DICEBURI) SETELAH BIDANG-BIDANG YANG BELUM KITA CEBURI SEBELUMNYA DITEROKAI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT MARA,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN MARA DI SINI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KETIKA INI BANYAK SYARIKAT BUMIPUTERA YANG TELAH BERJAYA TETAPI +MALANGNYA OLEH SEBAB SYARIKAT-SYARIKAT INI (MILIK MARA) MASIH ADA, IA NAMPAK SEOLAH-OLAH MENJADI PESAING MEREKA+.

KATANYA, KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT MARA BUKANNYA DALAM BENTUK MEMBUAT KEUNTUNGAN YANG BESAR TETAPI YANG AMAT KETARA IALAH SEBAGAI PENUNJUK JALAN KEPADA USAHAWAN BUMIPUTERA UNTUK MEMASUKI BIDANG-BIDANG YANG DAHULUNYA +BUKAN TEMPAT UNTUK BUMIPUTERA+.

+IA MENJADI PENEROKA DALAM PELBAGAI BIDANG DAN SETELAH MEMAINKAN PERANANNYA, RAMAI BUMIPUTERA KINI BERANI MEMASUKI BIDANG-BIDANG YANG DAHULUNYA TERTUTUP KEPADA MEREKA,+ KATANYA. -- LAGI
1407MST 12 04 87

D361

U B579 DEB
MAHATHIR - MARA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN BOLEH TERUS MENGADAKAN PERUNTUKAN DAN PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN TETAPI IA SENDIRI TIDAK MENJAMIN KEJAYAAN.

+YANG MENJAMINKAN KEJAYAAN IALAH KECEKAPAN PENGURUSAN BUMIPUTERA,+ KATANYA.

OLEH ITU, TUMPUAN SEKARANG DIBERI KEPADA LATIHAN PENGURUSAN DAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DITUBUHKAN KHUSUS BAGI TUJUAN ITU, SUPAYA BUMIPUTERA YANG INGIN MEMASUKI BIDANG PERNIAGAAN MEMILIKI PENGALAMAN DAN PENGETAHUAN YANG CUKUP MENGENAINYA, KATANYA.

BELIAU BERKATA, DASAR-DASAR DAN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN UNTUK BUMIPUTERA KINI BOLEH DIBUAT KERANA UMNO MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM KERAJAAN.

JIKA UMNO TIDAK MENJADI TUNJANG KERAJAAN, TIDAK MUNGKIN PERUNTUKAN-PERUNTUKAN DAN PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN DAPAT DIADAKAN KEPADA BUMIPUTERA, KATANYA. -- LAGI
1426MST 12 04 87

0362

U 8580 DEB
MAHATHIR - MARA 3 KUALA LUMPUR

+MAKA BILA UMNO MENERAJUI KERAJAAN, TUMPUAN BOLEH DIBERIKAN KEPADA BUMIPUTERA DAN SEKARANG KEJAYAAN MEREKA TELAH MENINGKAT,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, KEJAYAAN MARA MASA INI JUGA TIDAK BOLEH DIPISAHKAN DENGAN PERANAN PENTING UMNO DI DALAMNYA. MENURUTNYA, PERUNTUKAN KEPADA MARA TELAH BERTAMBAH SEJAK UMNO MENERAJUI KERAJAAN.

SAMBIL MENYINGKAP KEMBALI SEJARAH PENUBUHAN MARA, BELIAU BERKATA, KETIKA INGGERIS MEMERINTAH, KERAJAAN ITU MENAWARKAN \$5 JUTA KEPADA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI LUAR BANDAR (RIDA) UNTUK MEMAJUKAN BUMIPUTERA.

BAGAIMANAPUN HASIL KONGRES EKONOMI BUMIPUTERA PADA TAHUN 1965, KEGIATAN RIDA DIPERLUASKAN DAN DIGANTIKAN NAMANYA KEPADA MARA. -- LAGI

1428MST 12 04 87

0363

U 8581 DEB
MAHATHIR - MARA 4 KUALA LUMPUR

+PEMIMPIN-PEMIMPIN LEPAS TIDAK PERNAH MENGABAIKAN PERUNTUKAN KEPADA MARA...DATUK ONN, TUN ABDUL RAZAK, TUN HUSSEIN ONN, SEMUANYA MEMBERI TUMPUAN KEPADA MARA DAN BUMIPUTERA, MAKA MARA KINI MENJADI FAKTOR PENTING UNTUK MENGIMBANGKAN KAUM DI NEGARA KITA,+ KATANYA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, DAN MENTERI-MENTERI BESAR, DATUK MOHAMAD YAAKUB, DATUK SERI OSMAN AROFF, DATUK SERI RAMLI NGAH TALIB, DATUK MOHD ISA ABDUL SAMAD DAN DATUK KHALIL YAAKUB TURUT HADIR PADA MAJLIS PERASMIAN ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR KEMUDIAN DIBAWA MELAWAT PAMERAN DAN RUANG-RUANG NIAGA YANG ADA DALAM BANGUNAN BARU ITU. -- BERNAMA
1429MST 12 04 87